



## **PEKELILING AM KERAJAAN JOHOR BILANGAN 1 TAHUN 2017**

### **KEMUDAHAN POTONGAN GAJI KEPADA PENJAWAT AWAM NEGERI DAN PERSEKUTUAN, BADAN BERKANUN NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN YANG BERAGAMA ISLAM DAN BUKAN BERAGAMA ISLAM UNTUK TABUNG WAQAF RAKYAT JOHOR**

#### **1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kemudahan potongan gaji bulanan kepada semua pegawai dan anggota perkhidmatan awam Negeri dan Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang beragama Islam dan bukan beragama Islam yang berkhidmat di negeri Johor untuk mengisi dana “TABUNG WAQAF RAKYAT JOHOR”.

#### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Perbadanan Islam Johor (PIJ) telah dilantik sebagai Nadzir Khas Pembangunan Waqaf Negeri Johor pada 26hb. Januari, 2016. Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) masih lagi sebagai Pemegang Amanah Tunggal Harta Waqaf seluruh Negeri Johor.
- 2.2 PIJ bertanggungjawab menyediakan satu kaedah pendekatan dan perancangan meningkatkan jumlah penyertaan Waqaf Tunai potongan gaji di kalangan masyarakat bagi tujuan penambahan dana Tabung Waqaf Rakyat Johor.

- 2.3 PIJ melalui anak syarikatnya PIJ Holdings Sdn. Bhd. bertanggungjawab melaksanakan pelan perancangan pembangunan hartanah dan aset waqaf yang diserahkan untuk pembangunan oleh MAINJ.

### **3. OBJEKTIF**

- 3.1 Objektif Tabung Waqaf Rakyat Johor antara lain adalah untuk mendapatkan dana daripada orang ramai melalui sumbangan Waqaf Tunai potongan gaji bagi tujuan pembangunan hartanah dan aset waqaf di negeri Johor serta melaksanakan program dan projek berkaitan waqaf melalui 3 agenda utama iaitu :-

#### **3.1.1 EKONOMI**

Membangunkan sektor hartanah dan aset berkaitan waqaf seperti Taman Perbadanan Islam, rumah kedai, dewan serbaguna, inkubator, pusat perniagaan bagi menambah nilai dana Tabung Waqaf Rakyat Johor.

#### **3.1.2 KESIHATAN**

Membina Hospital Waqaf Islam Johor, Klinik Waqaf dan Pusat Rawatan Pesakit Dialisis.

#### **3.1.3 PENDIDIKAN**

Membina Universiti, Kolej Pengajian Islam dan Sekolah-Sekolah Agama Bersepadu.

#### **4. SUMBER TABUNG**

- 4.1. Salah satu sumber kewangan Tabung Waqaf Rakyat Johor yang diluluskan ialah Waqaf Tunai potongan gaji daripada pegawai dan anggota perkhidmatan awam Negeri dan Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang akan disalurkan kepada “Tabung Waqaf Rakyat Johor”.
- 4.2 Perbendaharaan Negeri Johor telah bersetuju satu kod potongan gaji diberikan untuk kegunaan Perbadanan Islam Johor bagi pemotongan gaji penjawat awam yang melabur atau menyimpan di dalam Tabung Waqaf Rakyat Johor. Kod potongan adalah seperti berikut:

Kod Potongan : 2518

Perihal: Tabung Waqaf Rakyat Johor

#### **5. TATACARA PELAKSANAAN**

- 5.1 Semua pegawai dan anggota perkhidmatan awam Negeri dan Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang beragama Islam dan bukan beragama Islam yang berkhidmat di Negeri Johor diminta membuat potongan gaji dengan jumlah minima RM10.00 setiap bulan sebagai ibadah waqaf untuk disalurkan ke “TABUNG WAQAF RAKYAT JOHOR”.
- 5.2 Manakala pegawai dan anggota perkhidmatan awam yang ingin membuat potongan lebih daripada kadar tersebut hendaklah memaklumkan kepada Ketua Jabatan masing-masing untuk diambil tindakan.
- 5.3 Borang persetujuan pencaruman dikembarkan untuk tindakan jabatan masing-masing.

5.4 Borang yang lengkap hendaklah dikembalikan ke alamat **PERBADANAN ISLAM JOHOR**.

## **6. PEMAKAIAN**

6.1 Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua pegawai dan anggota perkhidmatan awam Negeri dan Persekutuan, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tujuan tersebut.

## **7. RUMUSAN**

7.1 Komitmen dan kesedaran pegawai dan anggota perkhidmatan awam negeri Johor dalam menjayakan pelaksanaan ini pastinya akan memberi manfaat kepada rakyat negeri Johor Darul Ta'zim. Semoga harta kita akan terus berkembang, dilindungi dan diberkati.

## **8. TARIKH BERKUATKUASA**

8.1 Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh pekeling ini diterbitkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(HAJI AZMI BIN ROHANI)**  
SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

Pejabat  
Setiausaha Kerajaan Johor

18 Januari, 2017